☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu

Tarikh: 30/3/2012
Hari: Jumaat M/S: N2
Ruangan: WILAYAH / DIARI

DIARI

PROGRAM

Pasar Raya Sihat

JABATAN Kesihatan Negeri Perak dengan kerjasama Pasaraya Giant akan menganjurkan Program Pasa Raya Sihat pada 31 Mac ini di perkarangan Pasaraya Giant Kamunting Taiping jam 10 pagi. Orang ramai dijemput hadir.

Seni budaya

PROGRAM Merakyatkan Seni Budaya Komuniti 1Malaysia, Festival Kebudayaan India di Padang Awam Taman Seruling Emas, Sungai Bakap, jam 8 pagi ini.

Hari Kokurikulum

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) mengadakan hari kokurikulum bertempat di Dewan Mu'adzam Shah mulai jam 8.30 pagi ini. Orang ramai dijempiut hadir.

Bersama POS Malaysia

MAJLIS bersama POS Malaysia 'Alamatkan Untuk Semua' di dewan orang ramai Kampung Bendang Baru, Bintong pada 1 April ini jam 3.30 petang

Cuti-Cuti 1Malaysia

MENTERI Pelancongan, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen melancarkan Pakej Berbasikal Cuti-Cuti 1Malaysia & Kayuhan Sihat 1Malaysia, di Taman Tasik Raub, Raub jam 7 pagi pada Sabtu ini.

KARNIVAL

Digital IT

IPOH Parade Digital IT Show anjuran Five Star Event dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Mac-3 April 2011 di Ipoh Parade mulai jam 10 pagi hingga 10 malam.

Koridor Utara

PIHAK Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara menganjurkan Karnival Skills Malaysia Koridor Utara 2012 di Dewan Besar Sungai Dua, Tasek Gelugor, dari jam 9.30 pagi hingga 5 petang Sabtu dan Ahad ini.

PESTA

Komputer terpakai

PESTA Komputer Terpakai di Dewan Pasir Panjang, Kuala Terengganu pada 24 hingga 31 Mac ini bermula jam 10 pagi hingga 10 malam. Orang ramai yang mahu mendapatkan atau menjual komputer terpakai boleh mengunjungi pesta ini.

KELAS

Pengajian Wanita

KELAS Pengajian Wanita diadakan pada setiap Sabtu di Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang, Kuala Terengganu. Pada 31 Mac ini, ceramah bertajuk 'Kesufian Rabiatul Adawiyah' disampaikan oleh Ustazah Hawa Embong. Orang ramai terutama golongan wanita dijemput hadir.